

PROSIDING

Seminar
POLITIK MALAYSIA

Penyunting

Worran Hj. Kabul
Shireen Haron
Mat Zin Mat Kib
Abdul Kadir Rosline

PILIHAN RAYA UMUM KE-12: KAJIAN KES KERUSI PARLIMEN LABUAN

Mohd Azri Ibrahim

ABSTRAK

Berdasarkan Perlembagaan Persekutuan Perkara 2 (4), Pulau Labuan telah diisytiharkan sebagai Wilayah Persekutuan pada tahun 1984 dengan nama Wilayah Persekutuan (WP) Labuan. Ini bermakna Pulau Labuan merupakan Wilayah Persekutuan yang kedua selepas Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur. Selepas status Pulau Labuan sebagai Wilayah Persekutuan Labuan, beberapa Pilihan raya umum telah diadakan dan Labuan berdiri sebagai sebuah kawasan Parlimen dalam setiap Pilihan raya yang diadakan. Adalah sesuatu yang menarik untuk diberikan perhatian dan penyelidikan terhadap perkembangan dan perjalanan Pilihan raya umum di Wilayah Persekutuan Labuan. Ini kerana kajian politik dan Pilihan raya terhadap Wilayah Persekutuan kedua bagi Malaysia ini adalah agak terhad dan masih lagi kurang. Oleh itu, penulis melihat adalah perlu kajian terhadap politik dan Pilihan raya di Pulau Labuan dilakukan dan dibincangkan dalam arus politik perdana negara. Dalam kertas kerja ini, penulis akan menganalisis dan membincangkan tentang perkembangan dan perjalanan Pilihan raya umum ke-12 di Wilayah Persekutuan Labuan. Analisis dan perbincangan ini adalah berdasarkan penyelidikan yang telah dijalankan selepas Pilihan raya umum lalu yang melibatkan pengundi di kerusi Parlimen Labuan sebagai responden. Beberapa perkara dan isu-isu yang akan diberikan penekanan dalam kertas kerja ini adalah seperti latar belakang Pilihan raya di Labuan, kesedaran dan penyertaan dalam politik/Pilihan raya, pengaruh media dan internet terhadap pengundi dan isu-isu yang berbangkit semasa kempen Pilihan raya umum diadakan.

PENGENALAN

Sejak kebelakangan ini iklim politik tanah air cukup menarik untuk dibincang dan dianalisis oleh pemikir politik, ahli politik ataupun masyarakat umum keseluruhannya. Menariknya perkembangan politik Malaysia sekarang dapat dilihat dari aspek persaingan parti politik dan isu-isu yang dibangkitkan oleh pihak-pihak tertentu terutamanya selepas Pilihan raya umum yang ke – 12. Senario politik Malaysia telah mengalami perubahan selepas Pilihan raya umum lalu terutamanya di Semenanjung tetapi perubahannya tidak begitu ketara di Sabah dan Sarawak serta Wilayah Persekutuan Labuan. Persoalannya di sini ialah mengapa angin perubahan ini berlaku di Semenanjung dan tidak banyak perubahan di Sabah & Sarawak. Dalam kajian sains politik, salah satu aspek penting yang boleh dikaitkan dengan Pilihan raya ialah aspek politik pembangunan. Ini bermakna aspek pembangunan dilihat sebagai factor dominant dalam pemilihan seseorang pengundi dalam sesuatu

Pilihan raya. Adalah tidak dinafikan terdapat pelbagai factor yang boleh mempenagtruhi undian pengundi tetapi dalam aspek politik pembangunan, ianya dilihat sebagai sangat penting terutamanya dalam aspek keperluan terhadap pembangunan dan kesinambungan pembangunan yang telah dan akan dirancang.

Bertitik tolak daripada fenomena dan pernyataan ini, satu kajian telah dijalankan terhadap pengundi-pengundi di Wilayah Persekutuan Labuan (Parlimen P166) bagi melihat pola pengundian dan isu-isu yang dibangkitkan semasa Pilihan raya umum baru-baru ini terutamanya yang berkaitan dengan aspek politik pembangunan. Aspek kajian terhadap Pilihan raya dan politik pembvangunan juga akan dikaitkan dengan pendekatan atau teori ilmiah kajian politik iaitu pendekatan pilihan rasional dan pendekatan identifikasi parti.

LATAR BELAKANG WILAYAH PERSEKUTUAN LABUAN

Pulau Labuan terletak di barat laut perairan pantai Borneo, utara Teluk Brunei dan mengadap Laut Cina Selatan, ia dikelilingi oleh 6 buah pulau kecil iaitu Pulau Kuraman, Pulau Daat, Pulau Rusukan Kecil, Pulau Rusukan Besar, Pulau Papan dan Pulau Burong. Pulau Labuan hanya 8 km atau 20 minit perjalanan menaiki bot dari Menumbok, sebuah pekan nelayan di. Perjalanan menaiki feri laju dari Kota Kinabalu, ibu negeri Sabah, mengambil masa selama 3 jam. Manakala dari negara Brunei Darussalam pula mengambil masa selama satu jam. Secara kasar jarak perjalanan dari Bangkok, Jakarta, Kuala Lumpur, Hong Kong, Manila dan Singapura ke Pulau Labuan adalah hampir sama.

Dalam tahun 1844, Labuan telah menarik minat Raja James Brooke yang pada masa itu telah berkuasa di Sarawak. Dia telah mengenal pasti potensi arang batu yang bernilai tinggi dan melihat Labuan sebagai pusat untuk menghapuskan lanun-lanun yang mengganggu perniagaan dan perdagangan. James Brooke telah berjumpa dengan Sultan Brunei untuk meminta penyerahan Labuan; pada tahun 1846 Sultan Brunei telah menyerahkan Labuan kepada British. Pada tahun 1946 Pulau Labuan menjadi sebahagian daripada koloni Borneo Utara dan pada tahun 1963, Pulau Labuan bersama-sama dengan Sabah dan Sarawak memperolehi kemerdekaan melalui penubuhan Malaysia pada 16 September 1963 dan Pulau Labuan dijadikan sebahagian wilayah negeri Sabah. Akhirnya pada 16 April 1984, Pulau Labuan telah diistiharkan sebagai Wilayah Persekutuan Labuan.

LATAR BELAKANG PILIHAN RAYA UMUM DI W.P LABUAN

Pilihan raya pertama yang diadakan di Malaysia sebelum merdeka ialah pada 27 Julai 1955 yang melibatkan pertandingan merebut 52 kerusi Pilihan raya. Dalam Pilihan raya ini Parti Perikatan telah memenangi 51 kerusi dan PAS telah memenangi satu kerusi. Kejayaan parti perikatan ini telah mendorong usaha-usaha ke arah kemerdekaan bagi Tanah Melayu dan akhirnya pada 31 Ogos 1957, Tanah Melayu telah mencapai kemerdekaan. Pilihan raya pertama selepas Malaysia mencapai kemerdekaan ialah pada 19 Ogos 1959 yang menyaksikan pertandingan bagi merebut 104 kerusi parlimen yang dipertandingkan. Dalam Pilihan raya ini Parti Perikatan telah berjaya memenangi 74 kerusi dan melayakkan Parti Perikatan memerintah Malaysia sebagai kerajaan. Seterusnya Pilihan raya umum diadakan pada tahun 1964, 1969, 1974, 1978, 1982, 1986, 1990, 1995, 1999, 2004 dan yang terakhir ialah pada tahun 2008

Sebagai salah satu kerusi parlimen dalam Pilihan raya umum, parlimen Labuan juga tidak terlepas daripada persaingan parti-parti politik yang bertanding menjelang setiap kali Pilihan raya diadakan. Oleh itu kajian lepas terhadap Pilihan raya umum yang telah diadakan di W.P Labuan sebagai kerusi Parlimen akan dihuraikan. Ini adalah bagi melihat senario Pilihan raya umum di Labuan sebagai salah satu kerusi bagi Dewan Rakyat. Latar belakang kajian Pilihan raya umum di Labuan ini akan membantu dalam menghurai dan menganalisis kajian Pilihan raya yang ke-12.

Jadual 1: Keputusan Pilihan raya Bahagian Parlimen Labuan Berdasarkan Tahun Pilihan raya Umum

Bahagian Pilihan raya	Tahun Pilihan raya	Jumlah Pengundi	Pengundi / Peratusan	Undi Rosak	Parti Menang & Undi	Majoriti	Penjuru
P 133 Labuan	1986	12,171	8,163 (67.07%)	78	BEBAS (2,448)	183	5 Penjuru
P 133 Labuan	1990	16,388	12,489 (76.2%)	165	BN (7,130)	3,562	3 Penjuru
P 145 Labuan	1995	20,243	14,007 (69.19%)	353	BN (9,076)	5,147	2 Penjuru
P 145 Labuan	1999	21,611	14,159 (65.52%)	176	BN (8,687)	6,515	3 Penjuru
P 166 Labuan	2004	22,006	14,761 (67.07%)	488	BN 11,087	7901	2 Penjuru
P 166 Labuan	2008	22,006	13,902 (63.17%)	311	BN (10,471)	8457	3 Penjuru

Sejak Pulau Labuan diistiharkan sebagai Wilayah Persekutuan Labuan sebanyak 6 kali Pilihan raya umum telah diadakan iaitu pada tahun 1986, 1990, 1995, 1999, 2004 dan 2008. Jadual 1 di atas menunjukkan keputusan Pilihan raya bagi bahagian parlimen Labuan berdasarkan kepada tahun-tahun Pilihan raya umum diadakan. Secara keseluruhannya dapat diperhatikan bahawa jumlah pengundi bagi parlimen Labuan semakin meningkat bermula dengan jumlah pengundi hanya 12,171 orang pada tahun 1986 melonjak kepada 22,006 pada tahun 2008 tetapi berbeza dengan peratusan keluar mengundi yang memperlihatkan berlaku turun naik peratusan keluar mengundi. Peratusan keluar mengundi paling tinggi ialah 76.2% pada tahun 1990 dan menurun pada Pilihan raya berikutnya kepada 69.19% manakala pada Pilihan raya umum 2008, peratusan keluar mengundi adalah paling rendah dengan mencatatkan 63.17% sahaja daripada jumlah pengundi 22,006 orang.

Berdasarkan kepada keputusan Pilihan raya, hanya pada tahun 1986 sahaja kerusi parlimen Labuan dimenangi oleh calon Bebas manakala bagi Pilihan raya – Pilihan raya umum yang seterusnya dimenangi oleh parti Barisan Nasional (calon UMNO). Sesuatu yang menarik dapat diperhatikan berdasarkan Jadual di atas ialah calon yang menang sentiasa memperolehi majoriti yang meningkat berbanding Pilihan raya-Pilihan raya umum sebelumnya. Umumnya diketahui bahawa parlimen Labuan merupakan salah satu kubu kuat parti Barisan Nasional dan adalah sukar bagi parti-parti lain untuk merampas kerusi parlimen Labuan dalam Pilihan raya.

Berdasarkan kepada Pilihan raya umum yang lalu (2008) parti Barisan Nasional menerusi calon daripada parti UMNO telah ditentang oleh dua pencabar iaitu calon daripada parti PAS dan seorang

calon Bebas berbangsa Cina. Calon BN iaitu Datuk Yusoff Mahal telah memperolehi undi sebanyak 10,471 dan mengalahkan dua orang pencabarnya iaitu Matusin Abdul Rahman (PAS) yang hanya memperolehi undi 1,106 dan Lau Seng Kiat (Bebas) dengan memperolehi undi sebanyak 2,014. Calon BN iaitu Datuk Yusoff Mahal telah memenangi Pilihan raya ini dengan majoriti sebanyak 8,457 undi dan ini merupakan undi majority yang tertinggi dalam sejarah Pilihan raya umum bagi kerusi parlimen Labuan.

FOKUS KAJIAN DAN HURAIAN KONSEP (TEORI)

Pilihan pengundi dalam Pilihan raya adalah berbeza-beza dan ianya sangat berkait rapat dengan beberapa elemen yang mempengaruhi undian mereka. Oleh itu, beberapa konsep penting dalam kajian politik iaitu Pilihan raya, politik pembangunan, pilihan rasional dan identifikasi parti akan dijelaskan dan akan dikaitkan dengan aspek Pilihan raya umum ke-12 di Wilayah Persekutuan Labuan.

Pilihan raya merupakan suatu amalan yang sering digunakan oleh sesebuah negara yang mengamalkan pemerintahan yang bercorak demokrasi. Penglibatan rakyat di dalam Pilihan raya adalah sangat penting dan juga bermakna kepada calon-calon yang akan memegang tampuk pemerintahan. Kemenangan seseorang calon atau parti politik merupakan bukti yang nyata sekali pada pandangan umum bahawa mereka telah mendapat legitimasi daripada rakyat untuk mewakili mereka di dalam sebarang pembuatan dasar negara dan juga memperjuangkan kepentingan rakyat keseluruhannya.

Pilihan Raya

Perkataan parti bermakna sekumpulan orang atau organisasi yang telah dibezakan dari orang lain oleh rancangan atau program yang tertentu (S. Neumann:1975:395). Menurut Leon D. Epstein, parti politik ialah kumpulan yang bertanding dalam pilihannya demi untuk mendapatkan kuasa dan seterusnya membentuk kerajaan (1975: 230). Oleh itu matlamat akhir parti politik ialah memperolehi dan menggunakan kekuasaan. Fungsi utama parti politik ialah menyusun dan mengumpul kehendak penyokong atau pengikutnya; di samping menerangkan dan memperjuangkan doktrin partinya. Mereka akan mewakili kumpulan kepentingan dalam masyarakat, sebagai jambatan di antara individu dengan komuniti yang lebih besar. Melalui parti politik, pengundi diberi peluang untuk memilih parti tertentu di bawah pertandingan Pilihan raya yang adil dan bebas. Selain daripada itu, parti politik juga berfungsi sebagai tali penghubung antara kerajaan dan pendapat awam. Struktur masyarakat dalam sistem demokrasi adalah berbentuk pyramid dengan golongan elit atau pemimpin kerajaan berada di atas dan rakyat jelata dibawah. Maka parti politik yang juga sebagai penghubung antara kedua-duanya akan memastikan komunikasi yang baik antara kedua-dua golongan ini. Jika tujuan utama parti politik ialah untuk mendapatkan kuasa, maka parti pembangkang boleh didefinisikan sebagai parti politik yang kalah dalam Pilihan raya dan gagal untuk mendapatkan kuasa untuk membentuk kerajaan.

Pilihan raya adalah satu pilihan umum yang diadakan oleh mana-mana negara yang mengamalkan sistem demokrasi. Ia melibatkan penyertaan semua rakyat yang layak mengundi untuk memilih wakil-wakil yang telah dicalonkan oleh parti-parti yang bertanding pada masa tertentu dan di tempat-tempat yang ditentukan.

Giovani Sartori menjelaskan Pilihan raya dengan merujuk kepada perkataan *elect iaitu elect comes from eligere; and expresses the idea of selecting by choice no by chance* (1958:103). Pemimpin yang memegang jawatan sebagai pemerinah adalah terdiri daripada kalangan yang dipilih oleh akyat dan bukannya diperolehi melalui peluang kerana kekkayaan yang ada pada mereka. Di samping itu, menerusi Pilihan raya rakyat dapat memilih pemimpin-pemimpin sebagai wakil mereka untuk menjaga kepentingan dan melaksanakan dasar-dasar yang telah ditetapkan untuk pembangunan masyarakat dan negara. Cara ini juga membolehkan rakyat menjatuhkan pemimpin yang sedia ada kerana elah gagal melaksanakan tugas mereka sebagai perwakilan atau kerajaan yang diberikan kuasa memerinah oleh rakyat.

Politik Pembangunan

Dalam perbincangan dan penulisan ini, penulis tidak akan membincangan pendekatan teori atau konsep politik pembangunan secara teoritikal dan menyeluruh; tetapi hanya sekadar menjelaskan hubungan antara aspek politik dengan aspek pembangunan dalam sesebuah Negara. Secara umumnya pengkaji politik melihat aspek-aspek pembannngunan politik adalah seperti system politik, kerajaan, kestabilan politik, budaya politik, institusi politik dan struktur politik (Ghazali: 1999: 197). Pendekatan politik pembagunan juga dilihat dari aspek pernggarapan dasar-dasar awam dalam sesebuah Negara serta peranan yang dimainkan oleh sector swasta dalam proses pembangunan Negara. Dalam aspek penyertaan politik atau budaya politik juga pendekatan politim pembangunan berperanan terutamanya dalam bentuk penyelidikan terhadap tahap kesedaran dan penyertaan masyarakat dalam politik. Ini kerana hasil daripada penyelidikan tersebut, sesuatu pendekatan atau tindakan dapat diambil teruamanya yang berkaitan dengan kepentingan masyarakat dan pembangunan Negara. Oleh itu, dalam kertas kerja ini, penulis melihat aspek-aspek yang berkaitan dengan pembangunan dalam proses berpolitik adalah sangat penting dan releven kepada masyarakat di Pulau Labuan. Ini berasaskan kepada keperluan kepada pembangunan dan kesinambungan pembangunan yang berterusan terhadap Pulau Labuan dan juga masyarakat itu sendiri yang inginkan pembangunan terhadap diri, keluarga, masyarakat, wilayah dan negara secara keseluruhannya. Oleh itu, penulis akan menjelaskan hubungan antara proses politik iaitu Pilihan raya dengan aspek-aspek pembangunan di Wilayah Persekutuan Labuan sebagai kawasan kajian kes dalam kertas kerja ini.

Rasional Choice

Untuk menguji tingkahlaku Pilihan raya atau pengundian, terdapat beberapa pendekatan yang akan digunakan oleh pengkaji-pengkaji pilihannya antaranya ialah teori *rasional choice*. Teori *rasional choice* telah diperkenalkan oleh Anthony Down melalui karyanya “*An Economic Theory of Democracy*” (1957). Melalui karyanya itu beliau cuba menamakan pilihan politik dengan pilihan ekonomi. Menurutnya dalam pasaran ekonomi, seseorang pengguna akan membandingkan barang-barang pengeluaran dari segi harga dan kualiti dan seterusnya membuat pilihan untuk membeli berdasarkan nilai wang sesuatu barang. Dalam proses membuat pilihan dalam pilihannya pengundi akan memberi undi kepada parti atau calaon yang paling berkemungkinan memuaskan tuntutan mereka dengan berpandukan malmat-maklumat dan pengetahuannya terhadap sesuatu pilihan itu.

Dalam mengemukakan pendekatan ini, beliau telah membangkitkan beberapa andaian asas iaitu (1) dorongan parti iaitu pemimpin akan menyesuaikan matlamat-matlamat misinya demi memenuhi kehendak pengundi yang bertujuan untuk meningkatkan sokongan terhadap parti dan (2) kerationalan rakyat iaitu pengundi akan berusaha memaksimumkan kepuasan mereka dari segi

material menerusi pemberian undi kepada parti atau calon yang dipercayai dapat menunaikan janji. Andaian-andaian ini menjelaskan bahawa pengundi adalah rasional kerana mereka akan menilai pelbagai alternatif kepada mereka dari segi kos dan faedah mengundi sebelum membuat pilihan.

Faedah pengundi turut berkait dengan proses Pilihan raya dan pengundian yang melambangkan amalan demokrasi disesebuah negara. Secara umumnya teori atau pendekatan ini mungkin membenarkan kemasukan aspek-aspek ketaatan dan pendekatan sosiologikal ke dalam penjelasannya walaupun pengaruhnya tidak besar. Keadaan ini disebabkan oleh kehendak seseorang pengundi banyak dipengaruhi oleh keadaan semasa.

Identifikasi Parti

Pendekatan atau teori identifikasi parti adalah sebuah model yang cuba untuk menghuraikan hubungan taat setia seseorang pengundi terhadap sesebuah parti sehingga pengundi itu mengidentifikasikan dirinya dengan parti berkenaan walaupun ia mungkin tidak pernah menjaja ahli parti yang disokong itu. Pendekatan ini sangat popular digunakan di negara-negara demokrasi liberal barat pada tahun-tahun 1950-an dan 1960-an seperti Britain. Ia juga boleh dijelaskan sebagai sebab utama pengundi mengundi adalah kerana ketaatan jangka panjang mereka kepada sesebuah parti yang mereka sertai. Oleh itu mereka akan tetap memberi sokongan terutamanya dalam bentuk undi kepada parti yang mereka sertai walau dalam keadaan apa sekalipun. Menurut Riley (1988) ketaatan politik terhadap sesebuah parti banyak ditentukan oleh persekitaran dimana seseorang itu dibesarkan dan dididik. Proses pendidikan akan mengakibatkan terbinanya imej-imej tertentu dalam minda seseorang individu dan imej ini akan dikaitkan pula dengan institusi atau parti-parti tertentu. Model ini menekankan ciri-ciri kestabilan daripada perubahan. Oleh yang demikian pengundi akan menunjukkan kesetiaan mereka terhadap sesebuah parti tertentu dalam Pilihan raya.

Latar Belakang Responden

Secara umumnya kajian ini melibatkan seramai 200 orang responden yang juga merupakan pengundi di kerusi parlimen Labuan (P 166). Sebagai asas kepada kajian ini, aspek yang berkait dengan latar belakang responden telah dikenalpasti berdasarkan kepada jantina, umur, etnik, pekerjaan dan status perkahwinan. Daripada keseluruhan responden yang telah ditemui, ianya meliputi hampir keseluruhan kampung-kampung yang terdapat di Wilayah Persekutuan Labuan iaitu antaranya: kampung Sungai Miri, Sungai Labu, Teluk Temiang, Rantau-Rantau, Sungai Pagar, Pohon Batu dan Layang-Layangan. Aspek-aspek yang berkaitan dengan latar belakang responden akan diuraikan secara ringkas iaitu dari aspek jantina, umur, kaum, pekerjaan dan status perkahwinan.

Responden yang telah ditemui adalah merupakan pengundi di Wilayah Persekutuan Labuan (Parlimen P 166) dan daripada 200 orang responden tersebut, 103 atau 51.5% adalah responden lelaki manakala 97 atau 48.5% adalah responden wanita. Secara umumnya jumlah responden berdasarkan jantina adalah hampir sama dengan peratusan perbezaan antara responden lelaki dan wanita adalah sebanyak 3% sahaja. Latar belakang responden berdasarkan kepada umur pula menunjukkan, bilangan dan peratusan umur bagi responden yang ditemui adalah hampir sama berdasarkan kategori umur yang ditetapkan. Kategori umur yang paling tinggi adalah lingkungan umur 41 – 45 tahun iaitu sebanyak 33 orang responden atau 16.5% manakala lingkungan umur yang paling rendah bilangan responden adalah 56 – 60 tahun iaitu hanya 5 orang atau 2.5% tetapi responden yang berumur melebihi 61 tahun adalah seramai 19 orang atau 9.5%.

Latar belakang responden berdasarkan kepada status perkahwinan pula menunjukkan responden yang berkahwin merupakan yang paling tinggi iaitu sebanyak 162 orang atau 81% dan diikuti dengan status bujang seramai 29 orang atau 14.5% serta lain-lain status iaitu janda, duda dan ibu tunggal masing-masing mewakili seramai 3 orang atau 1.5%. Latar belakang responden berdasarkan kepada kumpulan etnik. Secara keseluruhannya, daripada 200 orang responden yang ditemui, ianya mewakili beberapa kumpulan etnik yang terdapat di Labuan. Bilangan kaum Melayu adalah seramai 50 orang atau 25% iaitu responden yang kedua tertinggi manakala Melayu Brunei adalah bilangan responden yang paling tinggi iaitu 60 orang atau 30%. Lain-lain etnik yang ditemui sebagai responden adalah seperti Kadayan, Kadazan, Dusun, Cina dan Iban.

Latar belakang responden berdasarkan kepada jenis pekerjaan dan bilangan responden yang bekerja swasta adalah paling ramai iaitu 56 orang atau 28% manakala kakitangan kerajaan adalah seramai 32 orang atau 16%. Bilangan suri rumah pula adalah seramai 44 orang atau 22% manakala lain-lain pekerjaan seperti nelayan, petani, tukang kasut, buruh dan lain-lain adalah seramai 43 orang atau 21.5%.

DATA KAJIAN DAN HURAIAN

Pola Pengundian dan Isu-Isu Pilihan raya

Bagi mendapatkan gambaran yang lebih jelas terhadap pendekatan konsep politik pembagunan di kerusi parlimen Labuan, penulisan seterusnya akan melihat aspek terhadap dapatan kajian yang telah dijalankan kajian lapangan kepada pengundi-pengundi di Labuan. Kajian Pilihan raya yang dijalankan di kawasan Parlimen Labuan P 166 dalam Pilihan raya umum ke-12 baru-baru ini juga akan menyentuh beberapa aspek yang berkaitan dengan pola pengundi oleh responden yang juga sebagai pengundi di Labuan serta isu-isu yang dibangkitkan sepanjang tempoh Pilihan raya umum tersebut. Kedua-dua aspek ini adalah sangat penting kerana ianya akan secara langsung atau secara tidak langsung boleh mempengaruhi undian pengundi.

Perbincangan dan huraian berikutnya adalah berdasarkan kepada Jadual 6.1 seperti yang dinyatakan di bawah. Jadual 6.1 di bawah adalah menunjukkan bilangan dan peratusan responden di Labuan berdasarkan beberapa aspek pola pengundian dan isu-isu berkaitan.

Jadual 6.1: Bilangan & Peratusan Responden Berdasarkan Pola Pengundi & Isu-Isu PRU-12

Soalan	Ya	Tidak	T. Pasti	Jumlah
Adakah anda mengundi berdasarkan kepada sokongan yang padu kpd sesebuah parti politik	148 (74%)	48 (24%)	4 (2%)	200 (100%)
Adakah anda mengundi berdasarkan kepada aspek kepimpinan dan ketokohan calon yang bertanding.	147 (73.5%)	40 (20%)	13 (6.5%)	200 (100%)
Adakah anda akan mengundi berdasarkan kepada persamaan etnik dengan anda	46 (23%)	139 (69.5%)	15 (7.5%)	200 (100%)
Adakah isu-isu yang diutarakan semasa berkempen mempengaruhi undian anda terhadap calon yang bertanding	49 (24.5%)	134 (67%)	17 (8.5%)	200 (100%)
Adakah anda lebih mengutamakan isu-isu tempatan berbanding isu-isu nasional atau sejagat.	109 (54.5%)	67 (33.5%)	24 (12%)	200 (100%)
Kempen Pilihan raya melalui ceramah masih lagi relevan dalam pentas politik di Malaysia & boleh mempengaruhi undi	128 (64%)	54 (27%)	18 (9%)	200 (100%)
Adakah anda pernah mengikuti ceramah atau kempen mana-mana parti politik yang bertanding.	89 (44.5%)	108 (54%)	3 (1.5%)	200 (100%)
Isu-isu pembangunan di Labuan sangat penting berbanding isu-isu lain semasa kempen PRU 12	156 (78%)	30 (15%)	14 (7%)	200 (100%)

Berdasarkan kepada Jadual 6.1 di atas, dapatan kajian ini telah mendapati seramai 148 orang responden atau 74% bersetuju bahawa undian mereka dalam Pilihan raya umum ke-12 baru-baru ini adalah berdasarkan kepada sokongan yang padu kepada sesebuah parti politik, manakala hanya 48 orang responden atau 24% sahaja mengatakan tidak dan 4 orang responden atau 2% mengatakan tidak pasti. Ini menunjukkan bahawa sebilangan besar daripada responden mengundi berdasarkan kepada sokongan padu kepada parti politik dan ini bermakna mereka ini telah mempunyai pilihan sebelum mereka pergi mengundi dan isu-isu atau sumber maklumat yang diperolehi sebelum atau semasa Pilihan raya adalah tidak sangat penting kepada mereka ini.

Selain daripada aspek pola pengundian yang berteraskan kepada sokongan padu terhadap parti politik yang bertanding dalam sesuatu Pilihan raya, pola pengundian yang berasaskan kepada kepimpinan/ketokohan dan persamaan etnik juga boleh dilihat. Hasil dapatan kajian ini telah menunjukkan bahawa hubungan antara pola pengundian dengan aspek kepimpinan/ketokohan adalah selari manakala hubungan dengan persamaan etnik tidak. Ini berdasarkan kepada dapatan kajian apabila seramai 147 orang responden atau 73.5% mengatakan undian mereka adalah berdasarkan kepada kepimpinan dan ketokohan seseorang calon yang bertanding manakala hanya 40 orang responden atau 20% mengatakan tidak dan 6.5% atau 13 orang responden mengatakan tidak pasti. Manakala bagi aspek persamaan etnik pula, hanya seramai 46 orang responden atau 23% sahaja yang mengatakan undian mereka adalah berdasarkan kepada persamaan etnik manakala 139 orang responden atau 69.5% mengatakan undian mereka tidak berdasarkan kepada persamaan etnik dan 15 orang atau 7.5% mengatakan tidak pasti.

Setelah melihat hasil dapatan kajian berasaskan kepada pola pengundian dengan aspek sokongan padu terhadap parti politik, kepimpinan/ketokohan calon dan persamaan etnik, adalah nyata sebahagian besar responden mengundi berdasarkan kepada sokongan kepada parti dan ketokohan atau kepimpinan

calon yang bertanding serta tidak melihat aspek persamaan etnik sebagai asas pilihan mereka. Oleh itu, ini menunjukkan bahawa isu-isu yang dibangkitkan semasa kempen Pilihan raya di Labuan adalah kurang mempengaruhi undian responden atau pengundi. Ini dapat dibuktikan dengan hasil dapatan kajian apabila hanya 49 orang responden atau 24.5% sahaja mengatakan bahawa isu-isu yang dibangkitkan di Labuan dapat mempengaruhi undi mereka tetapi seramai 134 orang responden atau 67% mengatakan isu yang dibangkitkan semasa berkempen tidak akan mempengaruhi undian mereka manakala 17 responden atau 8.5% mengatakan tidak pasti.

Daripada 200 orang responden yang juga merupakan pengundi di Parlimen Labuan P 166, 109 orang responden atau 54.5% mengatakan isu-isu tempatan lebih diutamakan berbanding dengan isu-isu yang bersifat nasional atau sejagat berbanding hanya 67 orang responden atau 33.5% mengatakan sebaliknya dan 24 orang responden atau 12% mengatakan tidak pasti. Susulan daripada lebih separuh responden melihat isu tempatan lebih penting berbanding dengan isu nasional atau sejagat, terdapat seramai 156 orang responden atau 78% melihat isu-isu pembangunan di Wilayah Persekutuan Labuan adalah isu yang sangat penting berbanding dengan isu-isu lain yang dibangkitkan semasa kempen Pilihan raya umum ke-12 baru-baru ini. Ini adalah jelas menunjukkan bahawa, sebahagian besar daripada responden atau pengundi yang ditemui memperlihatkan kecenderungan kepada aspek isu tempatan terutamanya yang berkaitan dengan pembangunan di Pulau Labuan sebagai isu yang paling utama dan sangat penting dalam Pilihan raya umum baru-baru ini

Aspek pembangunan adalah antara factor utama dalam proses pengundian dalam Pilihan raya umum ke-12 baru-baru ini di Labuan. Ini kerana factor sejarah dan geografi mempengaruhi keadaan ini. Ini dibuktikan bahawa Pulau Labuan masih lagi memerlukan program-program pembangunan yang padu dan berterusan bagi memastikan setiap pengundi dan masyarakat di Labuan akan mendapat manfaatnya. Latar belakang masyarakat terutamanya pengaruh Sabah masih lagi ada di kalangan masyarakat Labuan. Begitu juga keputusan Pilihan raya umum di Sabah, Labuan juga dilihat mempunyai hamper persamaan ini – iaitu BN masih lagi menang basar dan pembangkang kurang mendapat tempat. Keadaan ini tidak berkalu sangat di Semenanjung yang memperlihatkan kebanaagkitan pembanagkang dan factor pembangunan kurang mendapat tempata di kalangan pengundi di Semenanjung. .

Malah kebanyakan pengundi yang ditemui mengakui akan kedudukan dan kemampuan BN untuk meneruskan agenda pembangunan di peringkat nasional dan juga peringkat tempatan. Ini keana masyarakat Labuan sebelum ini telah dan hanya disajikan aspek pemabngunan oleh kerajaan BN dan janji oleh pembangunan adalah kurang mendapat tempatan dan dilihat sesuatu yang mustahil dilakukan.

Keadaan ini menunjukkan bahawa kebanyakan pengundi di Wilayah Persekutuan Labuan masih berpegang kepada prinsip dan system yang telah digunakan pakai sebelum Pilihan raya dan tidak berminat untuk mengubah prinsip dan keutuhan institusi terutamanya pendekatan politik pembangunan dan system demokrasi. Ini kerana system yang ada sekarang dilihat oleh masyarakat Labuan sebagai sesuatu yang mesti diteruskan bagi memastikan kesinambungan pembangunan dan keutuhan dalam semua aspek termasuk hubungan kaum, institusi, ekonomi, pendidikan dan sebagainya. Susulan daripada keadaan ini akan menyebabkan kesemua individu, keluarga, masyarakat dan institusi bergerak kea rah yang sama dalam erti kata pembangunan dalam politik dan secara langsung juga akan dapat meningkatkan kesedaran dan penyertaan dalam poltiik.

ANALISIS KAJIAN

Berdasarkan kepada dapatan kajian dan pendekatan konsep yang telah dibincangkan di atas, konidentifikasi parti dilihat sangat sinonim atau berkait rapat dengan pola pengundian oleh pengundi di kawasan Parlimen Labuan (P 166). Ini dapat diperhatikan berdasarkan kepada dapatan kajian yang menyentuh soal sokongan padu terhadap sesebuah parti politik. Kajian ini mendapati 74% pengundi yang keluar mengundi akan memilih parti kerana sokongan yang padu terhadap parti tersebut. Berdasarkan kepada konsep identifikasi parti – seseorang akan mengundi berdasarkan kepada taat setia pengundi kepada sesebuah parti politik. Oleh itu adalah jelas menunjukkan dalam kajian ini parti BN atau UMNO telah mendapat sokongan yang padu oleh pengundi di parlimen Labuan dan parti lain yang bertanding seperti PAS tidak atau kurang mendapat sokongan daripada pengundi dan ini dapat dibuktikan lagi dengan keputusan Pilihan raya yang menunjukkan calon Bebas mengatasi undi yang diperolehi oleh parti PAS dan secara keseluruhannya parti BN mengatasi dua pencabarnya iaitu PAS dan Bebas dengan undi majority yang sangat tinggi iaitu melebihi lap-ribu undi dan undi majority ini adalah undi majority yang tertinggi dalam sejarah Pilihan raya umum bagi kawasan parlimen Labuan.

Analisis kajian ini juga dapat dikaitkan dengan konsep atau pendekatan pilihan rasional yang telah dibincangkan di atas. Berdasarkan kepada konsep pilihan rasional – pengundi akan memilih undi kepada parti atau calon yang paling berkemungkinan memuaskan tuntutan mereka dengan berpandukan maklumat dan pengetahuannya terhadap sesuatu pilihan itu. Konsep ini sangat berkait rapat dengan aspek pengundian di Labuan dan dapatan kajian ini telah membuktikan bahawa pendekatan atau konsep pilihan rasional ini boleh dikaitkan secara langsung dalam aspek pengundian oleh pengundi di Labuan. Berdasarkan kepada dapatan kajian, 54.5% daripada keseluruhan responden melihat isu-isu tempatan adalah lebih penting berbanding dengan isu nasional atau sejangkit dan hanya 33.5% sahaja yang mengatakan sebaliknya. Ini dapat dibuktikan lagi dengan 78% daripada responden yang ditemui mengatakan isu pembangunan di Labuan sangat penting dan harus diutamakan dalam kempen Pilihan raya baru-baru ini. Oleh itu adalah jelas bahawa pengundi di Labuan telah menggunakan konsep pilihan rasional dalam pengundiannya – ini kerana bagi mereka dengan pilihan secara rasional ke atas Barisan Nasional ianya akan dapat memenuhi segala keperluan yang diperlukan oleh masyarakat di Pulau Labuan dan bagi mereka hanya Barisan Nasional sahaja yang mampu memenuhi segala tuntutan mereka. Pilihan mereka ini adalah berasaskan atau secara rasionalnya adalah kerana hanya parti kerajaan yang boleh melaksanakan dasar serta projek-projek pembangunan di Labuan. Oleh itu berdasarkan kepada sejarah Pilihan raya umum di Labuan, kedudukan dan status quo parti UMNO dan Barisan Nasional adalah terjamin di kerusi parlimen Labuan.

Hasil daripada kajian Pilihan raya di Wilayah Persekutuan Labuan, salah satu pendekatan yang menarik terhadap pengundian di Labuan ialah kaitannya dengan pendekatan politik pembangunan. Dalam kajian ini adalah jelas menunjukkan pengundi di Labuan masih mengutamakan aspek-aspek pembangunan – (fizikal dan bukan fizikal) dalam proses pengundian mereka. Ini dapat dibuktikan dengan pertausan dan data daripada dapatan kajian ini. Pada masa yang sama juga, pengaruh latar belakang masyarakat dan lokasi juga berperanan dalam undian pengundi Labuan. Oleh itu adalah jelas bahawa pendekatan dan rekod yang dimiliki oleh BN menjadi ukuran kepada pengundi Labuan dalam Pilihan raya umum ke-12 baru-baru ini dan kedudukan pembangkang adalah kurang mendapat tempatan di Labuan dan ini tidak seperti yang berlaku di kebanyakan kawasan Pilihan raya di Semenanjung tetapi mempunyai perbandingan dengan keputusan di Sabah.

KESIMPULAN

Berdasarkan kepada pemerhatian dan analisis terhadap dapatan kajian,, kajian ini telah mendapati bahawa pengundi-pengundi di Labuan lebih mengutamakan aspek pembangunan dan kesinambungan pembangunan. Oleh itu asas ini hanya dimiliki oleh Barisan Nasional dan pengundi akan lebih cenderung kepada sokongan yang padu terhadap parti Barisan Nasional terutamanya UMNO. Reliati dan hakikat ini adalah selari dan boleh dikaitkan dengan pendekatan ilmiah kajian politik iaitu menerusi pendekatan atau konsep pilihan rasional dan identifikasi parti. Hubungan dapatan kajian ini dan kaitannya dengan pendekatan ilmiah kajian politik ini dapat dibuktikan dengan melihat keputusan Pilihan raya umum yang ke-12 baru-baru ini bagi kerusi Parlimen Labuan (P 166) dan isu-isu yang dibangkitkan semasa berkempen. Keputusannya telah memperlihatkan calon UMNO/ Barisan Nasional dengan mudah mengalahkan dua orang pencabarnya (calon PAS dan calon Bebas) dengan memperolehi undi sebanyak 10,471 dan undi majoriti sebanyak 8,457 iaitu undi majoriti yang paling tinggi berbanding dengan undi majoriti pada Pilihan raya-Pilihan raya umum yang lepas dan pemerhatian kajian ini juga mendapat bahawa kerusi parlimen Labuan boleh dianggap sebagai kerusi selamat bagi Barisan Nasional kerana konsep atau pendekatan identifikasi parti dan pilihan rasional oleh pengundi di Labuan adalah sangat berkaitan rapat dan sinonim.

RUJUKAN

- Abdul Rashid Rahman. (1994). *Perjalanan Pilihan raya Malaysia*. Berita Publishing: Kuala Lumpur.
- Ghazali Mayudin. (2002). *Politik Malaysia: Perspektif Teori dan Ptaktik*. Bangi: Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Ghazali Mayudin. (1999). *Teori Sains Politik Pilihan: Aplikasinya Dalam Konteks Malaysia*. Bangi: Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Lembaga Penyelidikan Undang-undang. (2002). *Perlembagaan Persekutuan*. Petaling Jaya: International Law Book Services.
- Lisa Harrison. (2001). *Political Research*. London: Routledge.
- McLean, I.(1996). *Oxford Concise Dictionary of Politics*. Oxford: Oxford University Press
- Mohd Yusof Kasim & Azlan Ahmad. (2002). *Politik Baru Dalam Pilihan raya Umum*. Bangi: Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Neuman, W. L. (1991). *Social Research Method: Qualitative and Quantitative*. Boston: Allyn & Bacon.
- Salleh Abas. (1997). *Prinsip Perlembagaan & Pemerintahan di Malaysia*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa Dan Pistaka.
- Suruhanjaya Pilihan raya Malaysia. (1972). *Laporan Pilihan raya Umum Malaysia 1969*. Kuala Lumpur: Jabatan Percetakan Negara.

- Suruhanjaya Pilihan raya Malaysia. (1976). *Laporan Pilihan raya Umum Malaysia 1974*. Kuala Lumpur: Jabatan Percetakan Negara.
- Suruhanjaya Pilihan raya Malaysia. (1980). *Laporan Pilihan raya Umum Malaysia 1978*. Kuala Lumpur: Jabatan Percetakan Negara.
- Suruhanjaya Pilihan raya Malaysia. (1983). *Laporan Pilihan raya Umum Malaysia 1982*. Kuala Lumpur: Jabatan Percetakan Negara.
- Suruhanjaya Pilihan raya Malaysia. (1988). *Laporan Pilihan raya Umum Malaysia 1986*. Kuala Lumpur: Jabatan Percetakan Negara.
- Suruhanjaya Pilihan raya Malaysia (1992) *Laporan Pilihan raya Umum Malaysia 1990*. Kuala Lumpur: Jabatan Percetakan Negara.
- Suruhanjaya Pilihan raya Malaysia. (1997). *Laporan Pilihan raya Umum Malaysia 1995*. Kuala Lumpur: Percetakan Nasional Malaysia Berhad.
- Suruhanjaya Pilihan raya Malaysia. (2002). *Laporan Pilihan raya Umum Malaysia 1999*. Kuala Lumpur: Percetakan Nasional Malaysia Berhad
- Syed Arabi Idid & Mazni. (1995). *People, Issues and Media Use*. Jabatan Komunikasi & The Asia Foundation: Kuala Lumpur.

LAMPIRAN

Jadual 1: Bilangan & Peratusan Pengundi Berdasarkan Jantina

Jantian	Bilangan	Peratusan
Lelaki	103	51.5%
Perempuan	97	48.5%
JUMLAH	200	100%

Jadual 2: Bilangan & Peratusan Responden Berdasarkan Umur

Umur	Bilangan	Peratusan
21 – 25 Tahun	20	10%
26 – 30 Tahun	25	12.5%
31 – 35 Tahun	25	12.5%
36 – 40 Tahun	22	11%
41 – 45 Tahun	33	16.5%
46 – 50 Tahun	28	14%
51 – 55 Tahun	23	11.5%
56 – 60 Tahun	5	2.5%
61 Tahun Ke Atas	19	9.5%
JUMLAH	200	100%

Jadual 3: Bilangan & Peratusan Responden Berdasarkan Status Perkahwinan

Status	Bilangan	Peratusan
Kahwin	162	81%
Bujang	29	14.5%
Janda	3	1.5%
Duda	3	1.5%
Ibu Tunggal	3	1.5%
JUMLAH	200	100%

Jadual 4: Bilangan & Peratusan Responden Berdasarkan Etnik

Etnik	Bilangan	Peratusan
Melayu	50	25%
Melayu Brunei	60	30%
Kedayan	38	19%
Melayu Kedayan	21	10.5%
Kadazan	5	2.5%
Dusun	2	1.0%
Lain - lain	24	12.0%
JUMLAH	200	100%

Jadual 5: Bilangan & Peratusan Responden Berdasarkan Jenis Pekerjaan

Pekerjaan	Bilangan	Peratusan
Kerajaan	32	16%
Swasta	56	28%
Peniaga	25	12.5%
Suri Rumah	44	22%
Lain-Lain	43	21.5%
JUMLAH	200	100%